

KERTAS KERJA FILEM “ANTARA DUA DARJAT”

PENGENALAN

Faktor Darjat Berdarah Raja, Golongan Kaya dan Golongan Miskin

Filem Antara Dua Darjat ini berkisar atas pemikiran dan falsafah P. Ramlee yang memelodramakan perbezaan kelas sosial iaitu antara kaya dan miskin, antara kaya, darjat atau darah keturunan atau feudal dan golongan elit dan golongan bangsawan atau aristocrat. P. Ramlee mahu mewakili golongan Masyarakat bawahan yang dipandang hina dizaman itu dan menjadikan golongan marhaen sebagai hero nya.

Filem Antara Dua Darjat ini berlegar atas faktor keangkuhan golongan berdarah raja dengan gaya hidup mereka dengan parties (social gatherings) atau acara makan-makan dan hiburan era kolonial atau era penjajahan. Pakaian kaum wanita elit zaman itu adalah cara Barat. Private clubs hanya dianggotai oleh mereka yang berkulit putih. Sehingga Kelab Golf era penjajahan juga hanya terbuka buat mereka yang berkulit putih sahaja. Acara makan-makan dan hiburan masyarakat Melayu yang berdarah feudal dan yang maha kaya dizaman penjajah mereka menyajikan minuman-minuman keras dan berdansa dan bergaul antara lelaki dan perempuan secara bebas. Kalau ada pun masyarakat Melayu diterima masuk kedalam kelab-kelab eksklusif kepada kulit putih tersebut hanyalah dua atau tiga kerat elit-elit yang berdarah raja dan orang yang berpendidikan Barat yang boleh menguasai bahasa

Inggeris dengan baik serta yang telah merangkul budaya Barat seperti suka kepada minuman-minuman keras.

Sir Stamford Raffles pernah menanamkan budaya berorientasikan budaya Inggeris terhadap negeri-negeri dibawah penjajahan Inggeris suatu ketika dahulu kala dan gagasan itu telah digagalkan oleh para pemimpin dan pejuang nasionalis tanah air dalam satu gabungan dengan para ulamak besar dizaman itu. Namun kita mewarisi pengaruh bahasa Inggeris yang semestinya bukan lah sesuatu yang tidak baik namun pengaruh bahasa Inggeris tersebut telah diimbangi dengan tertubuh nya Dewan Bahasa dan Pustaka oleh para pejuang dan pemimpin nasionalis Melayu dizaman itu.

Faktor Musikal, Bercorak Musikal dan Fator Ahli-Ahli Musik Dikacamata Masyarakat Melayu Terutama Masyarakat Berdarjat Tinggi dan Golongan Terkaya

P. Ramlee seakan-akan ingin menerapkan musik dan nyanyian atau musical kedalam filem Antara Dua Darjat dengan menciptakan lagu-lagu Getaran Jiwa, Alunan Biola dan Selamat Hari Jadi. Lagu Getaran Jiwa telah Berjaya memikat pemimpin orkestra dan penyanyi antarabangsa sementara lagu Alunan Biola merupakan suatu breakthrough dalam penciptaan irama keroncong diluar Indonesia.

Piano menjadi objek fokus dalam filem ini kerana ia menjadi titik pertemuan dan perpisahan Ghazali dengan Tengku Zaleha. Melalui piano mereka berkenalan, melalui piano mereka menjadi rapat dan melalui piano mereka bertemu semula. Menggunakan objek sebagai mengaitkan setiap konflik dan pertembungan watak

merupakan satu idea bijak dan membolehkan penonton memahami dengan mudah perkaitan berkenaan.

Dua diantara filem-filem arahan P. Ramlee iaitu filem Ibu Mertu Ku dan filem yang ingin diketengahkan oleh P. Ramlee iaitu Antara Dua Darjat, P. Ramlee telah menjadikan ahli-ahi musik sebagai hero nya. Dalam Ibu Mertu Ku adalah watak Kasim Selamat seorang pemain saxophone dan dalam filem Antara Dua Darjat ditonjolkan Ghazali, seorang pemain piano, sebagai insan-insan yang dipandang rendah dan dipandang hina oleh golongan berdarah raja dan golongan terkaya.

Seorang tokoh musik tanah air, seorang lagi mantan pengarah orkestra RTM, Dato Mokhzani Ismail, dalam interbiu Podcast Sembang Sambung, dari pengalaman beliau mengajar musik disalah sebuah universiti berkata: “biar pun ramai diantara penuntut-penuntut berpotensi tinggi dan mereka boleh memainkan alat musik dengan cukup baik namun ibu bapa mereka tidak merelakan anak-anak mereka memilih bidang musik sebagai kerjaya. Mereka lebih suka anak mereka menjadi doktor atau majistret misal nya. Itu lah sebab nya negara sukar untuk melahirkan bakat-bakat dan nama-nama musik dalam dunia antarabangsa.”

Faktor Cinta Dikalangan Anak-Anak Muda Yang Di-era P. Ramlee

Filem Antara Dua Darjat ini juga seakan-akan mencorakkan pemikiran masyarakat tentang pentingnya tidak ada paksaan dalam percintaan yang mana di portray kan dua insan yang bercinta yang dipaksa untuk berpisah. Faktor cinta sekitar tahun-tahun 50an dan 60an adalah segala-gala nya bagi anak-anak muda disebabkan

kekangan pergaulan antara lelaki dan perempuan iaitu dikala masyarakat Melayu terlalu kental menegakkan budaya dan nilai agama. Faktor dua insan bercinta ini juga yang agak dominan dalam filem Semerah Padi. Memisahkan dua insan yang dilanda cinta angkara darjat dan kekayaan dalam filem Antara Dua Darjat dan memisahkan dua insan yang saling mencintai oleh kedua orang tua seperti dalam filem Semerah Padi telah membawa akibat yang fatal lantaran ia seakan-akan melawan naluri.

Faktor Kemiskinan Dekad 50an

Struktur masyarakat sekitar tahun-tahun 50an dan 60an dimana kemiskinan dikalangan masyarakat Melayu Singapura dan Nusantara terlalu amat ketara. Era itu juga penghinaan terhadap golongan termiskin begitu amat ketara dan berleluasa. Pandangan hina terhadap golongan miskin lebih diketengahkan dan keangkuhan serta kesombongan golongan kaya dan berada terlalu berlebihan yang seolah-olah semua itu adalah faktor yang telah mendorong P. Ramlee untuk memomokkan faktor kesombongan, keangkuhan dan penghinaan terhadap masyarakat bawahan untuk memperbetulkan kepincangan masyarakat dan mencorakkan pemikiran yang membelenggu masyarakat dizaman beliau.

NALURI DAN YANG DIGEMARI DALAM BUDAYA MASYARAKAT MELAYU

Menurut Prof. Diraja Ungku Aziz orang Melayu khusus nya mereka suka 3 perkara:

- Orang kita paling suka hiburan – nombor satu. Mengaji Quran suara Arab orang suka biar pun mereka tak faham bahasa Arab.
- Suka kepada benda-benda yang pelik-pelik.
- Orang kuat – produk untuk orang kuat.

P. Ramlee menggarap faktor ini bagi sudut komersial filem-filem beliau.

PENGKARYA DAN PARA PELAKON

Para pendukung watak dalam filem ini adalah terdiri dari seniman dan seniwati pillihan yang berbakat dan para veteran yang berpengalaman seperti seniman Ahmad Nesfu, S. Kadarisman, Yusof Latif dan yang seangkatan dengan mereka termasuk para pellakon yang lebih muda seperti Kusuwadinata dan S. Shamsuddin dalam era kegemilangan Studio Jalaln Ampas.

Para pengkarya, sutradara dan para pelakon yang mendukung watak-watak dalam filem filem Antara Dua Darjat ini adalah nama-nama beikut:

Pengeluar/Pengedar -	Shaw Brothers Limited
Pengarah -	P. Ramlee
Pen. Pengarah -	S. Sudarmaji
Pelakon Utama -	P. Ramlee / Saadiah
Co-Starring -	S. Kadarisman
	S. Shamsuddin

Yusof Latiff
Ahmad Nesfu
Kuswadinata
Rahimah Alias
Mariam
Rahmah Rahmat
Kemat Hassan
Ainon Fiji
M. Rafee
Ali Fiji
Aini Jasmin
Musarjo

PENCERITAAN

Filem ini bermula di-tengah-tengah dan kembali secara beransur-ansur kebelakang dan memberi penjelasan kepada penonton tentang apa sebenarnya yang berlaku. Namun menerusi rangkaian plot yang kemas, dibuat secara teratur membolehkan kita memahami setiap konflik yang timbul dengan baik.

Ceritera itu bermula dengan ribut petir dan suasana hujan dimalam kelam di Anggrek Villa yang terletak di negeri Johor yang dalam suasana seram ternampak sosok tubuh atau Lembaga manusia sedang memerhati villa tersebut. Pembukaan

filem ini agak misterius. Ribut petir dan suasana hujan lebat diwaktu malam menambahkan kelam adegan pembukaan filem ini. Jangkaan awal boleh menyebabkan kita berfikir bahawa ini merupakan sebuah filem thriller.

Seketika berikutnya kita ditontonkan sosok Ghazali sampai kerumah nya setelah berbuat suatu yang misterius di Anggerek Villa malam itu. Ghazali merenung keluar jendela dalam malam yang gelap pekat dan keadaan hujan ribut petir beliau meratap dan berbisik pada dirinya dan pada malam yang kelam:

“Hujan”

“Hujan memang pembawa riwayat..Aku masih teringat dengan jelas...pada hari membawa kelam..ketika itu hujan turun dengan lebatnya..”

Bermula lah penceritaan kisah dalam Antara Dua Darjat.

Perjumpaan mereka bermula apabila kereta Tengku Zaleha terkubur roda nya dalam lumpur pada suatu malam dalam situasi hujan lebat dan ribut petir.

Ketika driver Tengku Zaleha meminta pertolongan untuk menolak kereta mereka daripada anak-anak muda kampong, Ghazali dan rakan-rakan nya ketika itu sedang berlatih pancaragam atau orkes ketika Ghazali sedang menyanyikan lagu keroncong Alunan Biola.

Lagu keroncong ciptaan P. Ramlee tersebut betapa indah irama dan alunan nya terutama bila lagu itu dinyanyian oleh P. Ramlee sendiri (Ghazali) dengan kemerduan suara yang sememangnya P. Ramlee – tiada yang kedua.

Tiba-tiba muncul didepan pemain musik yang terdiri dari anak-anak muda kampung seoang yang berpakaian driver yang meminta pertolongan.

Ketika mereka menolak kereta itu Tengku Zaleha telah berpandangan mata dengan Ghazali yang akhirnya Tengku Zaleha diminta keluar dari kereta untuk memudahkan kereta itu dikeluarkan dari lumpur. Tengku Zaleha telah menolak kereta disamping Ghazali. Mula lah dua insan yang dua-dua nya terpukau dan tenggealam seketika dalam cinta pandang pertama.

Tiba lah masa nya ketika keluarga Tengku Karim merayakan harijadi Tengku Zaleha. Secara kebetulan, Tengku Hassan, kekanda kepada Tengku Zaleha, memilih pemain musik yang terdiri dari pemuda-pemuda kampung bagi sambutan harijadi tersebut. Mungkin juga disebabkan pancaragam yang dipimpin oleh Ghazali adalah yang paling terkenal pada ketika itu.

Hari berikutnya Tengku Zaleha telah keluar untuk ketaman yang berdekatan untuk memetik bunga-bunga. Disana Tengku Zaleha terserempak bertemu dengan Ghazali dan disana lah mereka saling berkenalan.

Adegan cara bagaimana mereka berkenalan telah dibuatkan “dramatic effect” oleh P. Ramlee untuk menghidupkan suasana indah bagi dua insan yang sedang jatuh cinta.

Dalam party harijadi itu disini lah terpamerkan gaya hidup golongan elites dengan pakaian barat mereka, berdansa dalam pergaulan bebas dan meminum minuman keras yang memabukkan.

Tengku Zaleha ditegah keluar rumah oleh ayahnda nya iaitu Tengku Karim setelah mengetahui Tengku Zaleha secara tak senghaja bergaul dengan orang kampung. Secara spontan dan tanpa sebarang niat apa-apa saat itu lah juga Tengku Zaleha menyatakan pada ayahnda nya keinginan beliau untuk belajar bermain piano.

Berkebetulan guru piano yang dipilih oleh abang tiri Tengku Zaleha, Tengku Hassan, beliau memilih Ghazali menjadi guru piano nya. Bertitik tolak dari itu lah bibit-bibit cinta antara kedua nya semakin berputik.

Apabila hubungan sulit Tengku Zaleha dan Ghazali diketahui oleh Tengku Karim maka beliau dan anaknda nya, Tengku Hassan, telah membawa tukang pukul mereka untuk membelasah Ghazali sehingga teruk dalam keadaan hampir maut.

Sudin, sepupu Ghazali, telah menyaksikan Tengku Zaleha diangkat kedalam kereta ambulan dalam keadaan tidak bernyawa dalam kesibukan-kesibukan keluarga Tengku Zaleha berpindah ke Singapura pada malam kedukaan itu.

Tersebut kisah hari-hari berbulan madu di Anggrek Villa antara Tengku Zaleha dan Engku Mukhri.

Setelah 3 bulan perkahwinan mereka gagal, Ungku Mukri akhirnya mempelawa Tengku Zaleha untuk bertukar angin ke Eropah dan Amerika tetapi Tengku Zaleha telah memilih untuk berbulan madu ke Anggrek Villa di Johor. Mereka kesana ditemani oleh sahabat Ungku Mukhri yang bernama Ungku Dr Abdul Aziz (Seniman Yusof Latif), seorang darah kerabat yang sangat terpelajar dan berfikiran luas.

Antara babak pertama telah mempertontonkan suasana seram dan ngeri di Anggrek Villa dengan orang gaji, yang dilakukan oleh Yasmin. sentiasa ternampak lembaga atau sosok tubuh seorang manusia dijendela yang membuat orang gaji tersebut jatuh pingsan ketakutan. Namun gejala itu telah disifatkan oleh Ungku Abdul Aziz sebagai khayalan dengan meyakinkan semua orang bahawa dizaman itu sebenarnya tidak ada hantu.

Malam berikutnya Tengku Zaleha juga terbangun dari tidur nya ditengah malam setelah mendengar seseorang memanggil-manggil nama nya. Kejadian itu juga telah membuat Tengku Zaleha jatuh pingsan tak sedarkan diri.

Sudin (Seniman S. Shamsudin), sepupu Ghazali, telah memarahi Ghazali sekembali nya dari Anggrek Villa kerana asyik berulang alek ke Anggrek Vila biar pun Sudin telah berkali-kali meyakian kan Ghazali yang Tengku Zaleha telah mati. Namun Ghazali tetapi dengan keyakinan dalam dirinya yang Tengku Zaleha masih hidup. Gelagat berdua mereka telah menimbulkan kekecohan dalam kalangan mereka.

Mak Jah, ibu Ghazali turut meyakinkan Ghazali yang Tengku Zaleha telah mati tetapi Ghazali tetap bertegas dengan naluri keyakinan beliau.

Berikut dialog semasa Sudin cuba menasihati Ghazali:

“Ghazali, orang yang berdarah feudal macam Tengku Karim itu dia lebih suka melihat anaknya mati daripada melihat anaknya membuat perhubungan dengan orang kebanyakan seperti kita”.

Ungku Mukri pada siang hari nya meminta Tengku Zaleha memainkan sebuah lagu untuk Ungku Aziz dan ketika itu didapati satu dari key piano itu sumbang atau tidak berfungsi dengan baik.

Di panggil piano tuner dan secara kebetulan piano tuner itu adalah Ghazali sendiri.

Ada satu babak dalam filem Antara Dua Darjat ini dimana Ghazali (P. Ramlee) dalam keadaan nya yang hampir separuh gila atau dalam keadaan depressi akibat merana merindukan kekasih nya Tengku Zaleha (Seniwati Saadiah) yang dikatakan sudah mati, Ghazali ditakdirkan dipanggil untuk membetulkan key yang sumbang pada piano Tengku Zaleha. Dan selesai key yang rusak itu ditune semula dan sebaik Ghazali berjalan menuju pintu untuk keluar dari rumah Tengku Zaleha, secara tiba-tiba disenghajakan oleh Tengku Zaleha memainkan musik lagu Getaran Jiwa ciptaan Ghazali. Ghazali menoleh seraya menjerit agar permainan lagu Getaran Jiwa itu diberhentikan serta-merta. Irama intro itu terutamanya telah mengingatkan Ghazali, yang dalam keadaan merana dan hampir hilang akal itu, kepada apa yang diajarkan beliau kepada Tengku Zaleha. Dan Ghazali pula, dalam keadaan beliau lesu, tak bermaya dan merana, tidak mengenali Tengku Zaleha. Penonton sebak

melihat suasana menggusur hati seperti itu dan sebaik musik terhenti maka Ghazali terus keluar meninggalkan rumah Tengku Zaleha. Babak ini memperlihatkan bahawa P. Ramlee sangat secara naluri nya mampu menghidupkan babak-babak menyayat hati menerusi lakonan beliau.

Melihat situasi menyusuk kesedihan, Ungku Aziz, sebagai seorang yang sangat terpelajar, masuk kampung untuk menyiasat tentang situasi misteri antara Tengku Zaleha dan Ghazali. Dan Sudin telah menceritakan peristiwa yang melanda Ghazali kepada Ungku Aziz.

Tengku Zaleha keluar menemui Ghazali disatu malam ketika Ungku Mukhri ke Singapura berjumpa perempuan simpanan beliau.

Satu lagi babak yang membuat penonton sebak ialah apabila Ghazali tak mempercayai yang wanita yang menemui nya malam itu, ditempat dimana mereka berdua sering bertemu, adalah kekasihnya Tengku Zaleha. Hanya setelah Tengku Zaleha mengungkapkan untaian kata atau simpulan bahasa “Irama dan lagu tak boleh dipisahkan. Kalau dipisahkan maka pincang lah lagu dan rusak lah seni”, baru lah Ghazali percaya yang wanita yang disamping nya itu adalah kekasihnya Tengku Zaleha.

P. Ramlee telah menzahirkan satu “dramatic art” yang sangat memberi kesan yang menyusuk dihati para penonton. Babak sedih yang beliau lakonkan memperlihatkan bahawa P. Ramlee sememang nya seorang pelakon yang lakonan nya menyentuh dan memukau hati dan perasaan penonton.

Tengku Zaleha telah menceritakan tentang bonda Tengku Zaleha di bunuh oleh kekanda tirinya, Tengku Hassan (Seniman Kusuwadinata). Tengku Hassan telah dihukum gantung sementara ayahnda nya, Tengku Karim, telah dimasukkan kerumah sakit gila. Tengku Zaleha menceritakan juga tentang perkahwinan nya dengan Ungku Mukri selama 3 bulan yang gagal iaitu mereka tidak pernah hidup sebagai suami isteri dari semenjak mereka berkahwin.

Selain berkonflik dengan orang kebanyakan, golongan feudal didalam Antara Dua Darjat juga ditonjolkan sebagai memiliki sikap suka berbalah sesama yang seakan-akan atas dasar tamak haloba terhadap harta kekayaan. Ini dapat digarap semasa dialog didalam kereta diantara Ungku Mukri dan ayahnda nya. Adegan ini menonjolkan niat yang tidak baik Ungku Mukri yang mahu berkahwin dengan Tengku Zaleha yang bertujuan untuk memiliki harta Tengku Zaleha.

Tengku Mukhri yang berkahwin dengan Tengku Zaleha dalam suasana yang samar-samar dan dalam suasana tipu helah ayahnda kepada Tengku Mukhri yang mana kedua anak dan ayah berpakat untuk mendapatkan harta Tengku Zaleha yang telah diwariskan oleh ayahnda Tengku Zaleha kepada Tengku Zaleha melalui satu Surat Wasiat selang beberapa bulan sebelum ayahnda Tengku Zaleha ditimpa penyakit jiwa. Perkahwinan yang diatur atau arranged marriage diantara Tengku Zaleha dan Ungku Mukhri telah terpaksa dilakukan kerana Tengku Zaleha terikat kepada suatu perjanjian lama antara Tengku Karim dan ayahnda Tengku Mukri.

Oleh sebab agaknya selepas 3 bulan berkahwin kedua suami isteri ini masih gagal sebagai suami isteri maka Ungku Mukri ada perempuan simpanan di Singapura yang beliau berjanji untuk mengambil nya sebagai isteri apabila beliau telah memperolehi Surat Kuasa keatas semua harta kekayaan Tengku Zaleha.

Setiba nya Ungku Mukri dirumah sekembalinya dari Singapura, Ungku Mukhri telah terserampak serpihan kaca gambar beliau yang pecah diatas lantai dan didapati nya juga sepatu Tengku Zaleha ada kesan-kesan tanah liat yang membuat Ungku Mukri syak yang isteri nya telah keluar rumah ketika ketiadaan beliau dirumah. Juga ada Kesan air mata diatas bantal Tengku Zaleha diketika yang sama.

Kata sahabat nya Ungku Aziz kepada Ungku Mukri:

“Atas nama perikemanusiaan, ceraikan isteri mu. Jikalau kamu menceraikan isteri kamu maka bererti kamu menolong 2 jiwa yang kamu telah pisahkan”.

Ungku Aziz tahu tentang rahsia mereka setelah beliau masuk kampung menyelidiki dari keluarga Ghazali.

Tengku Mukri menjawab:

“Kalau dengan manusia durjana yang rendah darjat, jauh panggang dari api”.

Ini memperlihatkan kesombongan dan keangkuhan segelintir masyarakat berdarah raja atau masyarakat feudal masa itu yang memandang hina masyarakat bawahan yang miskin.

Ungku Aziz:

“Kamu selalu mementingkan darjat, mementingkan darah. Apa kah keistimewaan yang ada dalam darah kita. Tengku hanyalah panggilan, gelaran dan nama”.

Tesinggung dan marah setelah mendengar nasihat Ungku Aziz maka Ungku Mukhri detik itu juga meminta Ungku Aziz mengemaskan barang-barang nya konon-konon untuk menghantar nya balik ke Singapura sedang tujuan sebenar nya adalah untuk melenyapkan dan membunuh Ungku Aziz.

Dalam perjalanan menghantar Ungku Aziz balik ke Singapura, Ungku Mukhri dengan tipu helah nya yang terancang telah melanggar dengan kereta sahabat nya Ungku Aziz dan kemudian langsung menembak nya.

Tungku Mukhri mengambil senjata api nya untuk masuk kampung bertujuan untuk mencari dan membunuh Ghazali. Perbuatan Ungku Mukri itu telah tidak dapat di halang oleh Tengku Zaleha.

Setibanya Ghazali berdepan penduduk kampung dan setelah Ghazali tampil mengakui yang dia lah Ghazali, Ungku Mukhri langsung menembak Ghazali dan terkena peluru itu dibahagian bahu Ghazali.

Anak-anak kampong segera mengerumuni Ghazali untuk cuba menghalang tembakan Ungku Mukhri yang seterusnya. Ungku Mukhri mengancam akan membunuh semua mereka dan berlerai lah anak-anak kampong meninggalkan Ghazali seorang. Hanya ibu Ghazali berkeras enggan meninggalkan Ghazali yang

sedang luka parah dan saat itu juga muncul Tengku Zaleha menyelamatkan Ghazali maka terjadilah perkelahian antara Ghazali dan Ungku Mukhri sehingga Ghazali Berjaya merebut senjata api dari Unku Mukhri.

Ungku Mukhri, dengan tipu helah nya, dapat menggapai sebilah kapak. Saat-saat yang mencemaskan iaitu apabila Ungku Mukri mengacukan kapak itu untuk membunuh Ghazali yang sedang terbaring diatas bumi. Tiba-tiba bunyi tembakan kedengaran. Pelurunya terkena sasaran nya kepada Ungku Mukri. Tengku Zaleha yang memegang senjata api agak kehairanan sebab beliau tak pun melakukan tembakan itu. Tiba-tiba muncul Ungku Aziz yang dalam keadaan cedera menumpang sebuah lorry dengan senjata api ditangan nya. Ungku Aziz lah yang melakukan tembakan tersebut.

KEEGOAN DAN SIFAT ANGKUH SERTA SOMBONG MASYARAKAT FEUDAL

Yang ditonjol dan dijelmakan adalah sikap menindas, sikap tidak bertimbang rasa dan pada garis besar nya kebencian kaum atasan terhadap golongan bawahan dan orang miskin. P. Ramlee akhir nya menghukum watak-watak ini melalui *poetic justice*.

Ego dan sifat meninggi diri dalam kalangan golongan feudal dan bangsawan ini ditonjolkan P. Ramlee dalam beberapa adegan. Misalnya dalam adegan semasa Tengku Karim memarahi anaknda beliau Tengku Zaleha yang tiba dirumah dalam keadaan basah kuyup membantu anak-anak muda kampung menolak kereta nya yang tersangkut lumpur. Berkata Tengku Karim:

“Tengku berdarah mulia. Tidak layak bercampur-gaul dengan pemuda-pemuda yang bukan keturunan diraja tau”.

Adegan berikut memperlihatkan pada kita sifat-sifat keangkuhan dan sifat meninggi diri masyarakat feudal apabila Tengku Karim menghalang Tengku Zaleha keluar rumah:

“Mulai hari ini ayahnda tak izinkan kamu pergi kemana-mana. Kerana ayahnda curiga kalau kau bercampur gaul, lebih-lebih lagi kamu membuat hubungan dengan pemuda-pemuda yang tidak setaraf dengan darjat kita”.

Kita dapat melihat juga bagaimana ego nya Tengku Karim yang enggan bersalaman dengan Ghazali semasa Ghazali datang kerumah Tengku Karim untuk mengajar Tengku Zaleha bermain piano.

Keangkuhan dan kesombongan tersebut telah dimanifestasikan dalam babak-babak tatkala Tengku Karim dan anaknda beliau bernama Tengku Hassan (Kusuwadina) membawa tukang pukul dan lalu memukul Ghazali sehingga hampir mati. Ungku Mukri cuba membunuh Ungku Aziz. Ungku Mukri masuk kampung untuk membunuh Ghazali. Tengku Hassan membunuh Cik Yang, bonda kepada Tengku Zaleha. Sifat angkuh, sombong dan taksub ini lah yang ditonjolkan dengan beraniya oleh P. Ramli bertujuan untuk memperbetulkan kepincangan dan betapa rendahnya akhlak dalam kalangan masyarakat feudal dan terkaya dizaman itu.

Perlu juga diingat bahkan dalam filem citra, orang kaya diberikan wajah yang hodoh dan hitam, tetapi dalam karya-karya sastera Melayu pada waktu itu orang kaya dan golongan kapitalis diberikan wajah yang hodoh.

HARMONISASI DALAM FILEM ANTARA DUA DARJAT

Alasan mudah yang mewajarkan pertentangan dan kontradiksi ini adalah hubungan yang tidak setaraf. Tetapi pertentangan dan kontradiksi ini diharmoniskan oleh P. Ramlee melalui watak mediator yang dimainkan oleh Ungku Aziz (Yusof Latiff). Watak ini kemudian mengharmoniskan hubungan antara orang kampung dan keluarga bangsawan.

P. Ramlee cuba mengimbangi kritikkannya dengan menonjolkan watak Ungku Aziz, golongan feudal yang benar-benar terpelajar yang dilihat liberal dan tidak keterlaluan mementingkan darjat. Ungku Aziz ditonjolkan sebagai golongan feudal yang disenangi ramai dan sanggup berkorban demi kebahagiaan golongan kebanyakan. Ungku Aziz menembak Ungku Mukri disaat-saat beliau mengangkat sebilah kapak untuk membunuh Ghazali dan Ungku Aziz rela bertanggung-jawab diatas kematian berkenaan. Dialog berikut menceritakan sifat dan pemikiran Ungku Aziz:

“Kamu mementingkan darjat mementingkan darah. Apakah keistimewaan yang ada pada darah kita Ungku Mukri? Tengku, hanyalah panggilan, gelaran, nama. Tidak ada kena mengena dengan darah kita Ungku Mukri”.

MUSIK, IRAMA DAN LAGU

Dalam filem Antara Dua Darjat ini terdapat 3 buah lagu iaitu lagu Alunan Biola yang berirama keroncong, lagu Selamat Harijadi dan lagu Getaran Jiwa.

Lagu Keroncong Alunan Biola

Keroncong Alunan Biola adalah tipikal P. Ramlee yang menggemari alunan musik Nusantara. Ia adalah cetusan citra dari jiwa halus dan melodi yang cantik P. Ramlee. Datuk Ramli Ms berkata bahawa melodi adalah yang paling teratas kepentingan nya dalam penggubahan sesebuah lagu.

Suasana kampung menggambarkan keindahan Kampung Melayu di Singapura ketika itu dimana anak-anak muda dan masyarakat menggemari pancaragam atau orkes dan dalam penggambaran itu diperlihatkan macam mana anak-anak muda berlatih bermain pancaragam di ruang verandah rumah mereka dalam suasana kampung yang indah dan permai. Suasana kebeningan dan sayu dan indah nya Kampung Melayu yang kini telah tiada setelah diroboh dan dilenyapkan tanpa sisa atas nama pembangunan serta digantikan oleh hutan konkrit yang tak berbudi.

Hilang lenyap lah budaya seperti joget moden dihujung minggu di Pantai Tanjung Katong dan Marine Parade bersama-sama dengan budaya, keindahan dan keharmonian kampung dan budaya Melayu.

P. Ramlee semasa masih berada di kampung beliau di Pulau Pinang pernah menganggotai Pancaragam Keroncong Pemuda Indonesia sebagai pemain biola utama. Melalui lagu keroncong berjudul Oh Suci yang dinyanyikan oleh beliau, pancaragam ini telah muncul sebagai juara.

Ini sekali gus memperlihatkan betapa P. Ramlee dengan keagungan nya menyanyikan lagu keroncong menurut citra dan jiwa beliau. Irama keroncong adalah milik Nusantara kerana masyarakat Melayu Singapura dan Tanah Melayu dan terutama masyarakat Indonesia jelas menggemari irama keoncong. Namun tak dapat disangkal bahawa lagu-lagu keroncong lebih leluasa dinyanyikan dikalangan masyarakat Indonesia. Apakah irama keroncong itu milek Indonesia? Oleh sebab irama keroncong digemari juga oleh masyarakat Singapura dan Tanah Melayu maka mungkin kita simpulkan bahawa irama keroncong itu adalah milik Nusantara.

Sebagaimana Abdullah Hussain yang menulis buku *Kisah Hidup P. Ramlee* merumuskan: “P. Ramlee bukan milik Singapura dan P. Ramlee juga bukan milik Malaya. P. Ramlee adalah milik Nusantara” sementara “Nusantara” adalah rumpun Melayu.

Lagu keroncong Allunan Biola ini ada dua versi. Satu versi nyanyian wanita iaitu nyanyian Saloma dan nyanyian seorang penyanyi piring hitam iaitu Siti Mariam. Ini

lebih merupakan versi penyanyi wanita. Namun versi yang satu lagi iaitu nyanyian P. Ramlee dilihat sebagai lebih cantik irama nya.

Lagu Getaran Jiwa

Getaran Jiwa adalah satu lagu yang agak moden yang dalam filem Antara Dua Darjat sebagai satu diantara “masterpieces” yang dihasilkan oleh P. Ramlee.

Dalam lagu Getaran Jiwa P. Ramlee, menurut Datuk Dr. Johari Salleh, mantan Pengarah Musik RTM., lagu tersebut menggunakan chord progression yang lebih kedepan (advance).

Datuk Dr. Johari Salleh menambah: “membuat arrangement bagi sesuatu projek – saya tukar chord progression untuk mengindah dan mencantikkan lagu itu. Tetapi P. Ramlee tak suka lagu-lagu beliau diubah-ubah chord”.

Sementara lagu Getaran Jiwa adalah lagu yang teragung dan sangat popular. Musik-musik Barat atau orkestra Barat juga menaik taraf serta memainkan lagu ini dalam music arrangement mereka. Lagu yang gubahan nya seperti Getaran Jiwa ini adalah dari jiwa halus P. Ramlee – yang dalaman – perasaan P. Ramlee sendiri - dan hanya jiwa halus P. Ramlee sahaja yang mampu mewujudkan nya.

P. Ramlee dalam filem ini telah melahirkan dan menerbitkan lagu Getaran Jiwa yang unik susunan musik dan irama nya yang memukau dan malarsegar sama seperti senikata dan seungkap bicara: “Irama dan lagu tak boleh dipisahkan. Kalau dipisahkan maka pincanglah lagu dan rusaklah seni”.

“Getaran Jiwa berbanding lagu-lagu Apabila Kau Tersenyum, Zuraidah, Pantai Gurauan, ketiga-tiga lagu tersebut iaitu Apabila Kau Tersenyum, Zuraidah, Pantai Gurauan menggunakan chords yang simple. Chords yang simple yang menurut jiwa P. Ramlee adalah faktor yang menjadikan tiga lagu tersebut indah dan cantik. Lagu-lagu tadi berlandaskan ‘simplicity’ – senang kita dengar – senang kita ingat – kebanyakan composer misalnya composer dari US berlandaskan prinsip yang sama (senang menyanyikan nya dan senang diingat). P. Ramlee selalu lahirkan lagu-lagu yang berjiwa halus”.

Getaran Jiwa pula satu dimensi yang agak berbeza. Getaran Jiwa adalah sesuatu yang “moden” jika dibandingkan dengan lagu Apabila Kau Tersenyum yang dengan *chords* yang simple. Dalam lagu Getaran Jiwa dia menggunakan chord progression yang lebih advance. Lagu Getaran Jiwa ini telah dinyanyikan oleh penyanyi Barat, Lobo, yang berbahasa Inggeriskan yang diberi judul ‘Whispers In The Wind’. Penyanyi muda terbaru iaitu seorang penyanyi sensasi American Idol, Elliot James Reay, juga ada menyanyikan lagu dengan sentuhan irama dan lirik Getaran Jiwa. Lagu nyanyian Elliot James Reay dengan group 3 orang diberi nama ‘Oh, I Think They Call It Love’..

Pendapat Datuk Dr. Johari Salleh, mantan Director of Music Orkestra RTM setersnya: “Dalam membuat arrangement bagi sesuatu projek – saya tukar chord progression untuk mengindah dan mencantikkan lagu itu. Chords memainkan peranan penting mengindah dan mencantikkan sesebuah lagu. Kalau pemusik nya setakat 4-6 orang boleh lah. Tetapi kalau bagi sebuah orkestra yang besar – buat yang lain – dia punya perception lain – ia punya treatment kena yang lain – ia punya idea kena lain. P. Ramlee tak suka kalau lagu-lagu beliau ditukar-tukar chord”.

Memperkatakn seterusnya tentang lagu-lagu ini diantara lagu-lagu ciptaan P. Ramlee ialah lagu Dimana Kan Ku Cari Ganti. Menurut Datuk Dr. Johari Salleh: “Lagu – Dimana Kan Ku Cari Ganti..disitu P. Ramlee ada menggunakan teknik ‘*line cliché*’. Dalam melodi itu ada line – disebut ‘*line cliché*’. Disitu dia menggunakan *line cliché* bermakna dia sudah terima new idea. Idea itu bukan baharu tetapi sudah lama – dia sudah mula appreciate – dia sudah mula apply – dia sudah menerima pembaharuan. Lagu Dimana Kan Ku Cari Ganti is a simple song tapi very effective”.

Ada lagi sebuah lagu ciptaan P. Ramlee diantara yang paling digemari oleh Datuk Dr. Johari Salleh ialah lagu yang berjudul “Zuraidah”. Lagu ini luar biasa hebat. Lagu ini telah dipiring hitamkan dengan iringan permainan piano oleh mantan Pengarah Musik Orkestra RTM yang tersohor iaitu Gus Styne.

Lagu Selamat Harijadi Cipt P. Ramlee

Memperkatakan 3 buah lagu dalam filem Antara Dua Darjat ini ada sebuah lagu Selamat Harijadi ciptaan P. Ramlee yang biar pun irama nya indah tetapi ianya

tenggelam oleh arus masa dan suasana. Lagu tersebut tidak bersinar. Ia tidak dinyanyikan dalam mana-mana sambutan harijadi. Usaha kearah mempopularkannya harus juga dimulakan agar penggunaan nya diacara-acara sambutan harijadi lebih leluasa atau setidak-tidak terlupakan begitu sahaja.

KEGEMILANGAN P. RAMLEE DALAM ERA MALAY FILEM PRODUCTION (MFP) DAN ERA JALAN AMPAS

Menurut tinjauan Seniwati Rusminah Sidek, salah seorang pelakon filem Anak Bapa arahan P. Ramlee, dalam *Legasi Podcast Sembang Sambung*, beliau berkata: “setelah berhijrah ke Merdeka Studio, karya-karya yang di Singapura tu memang solid, benda yang susah nak diungkit balik, dengan wajah-wajah yang ada, yang itu yang ini, dah memang pos itu untuk dia (P. Ramlee) lah. Benda tu memang cantik. Singapura dizaman itu memang cantik, dengan sungai nya dan suasana kampung nya. Itu semua nya menjadi. Time itu lah. Atau orang Hindustan kata ‘waktu’. Itu lah masa emas. Dia gunakan waktu itu sebaik mungkin”.

Lagu-lagu P. Ramlee pun banyak bercerita tentang keindahan pantai, bulan dan bintang seperti dalam lagu Pantai Gurauan, lagu Malam Bulan Dipagar Bintang dan Sang Ombak Berdesir dan banyak lagi. Itu yang disebut oleh Seniwati Ruminah Sidek sebagai “waktu itu”, “masa itu”, waktu - masa emas buat P. Ramlee, yang semuanya menjadi.

Polemik konflik kelas diutarakan didalam Penarek Becha, Panggilan Pulau, Ibu Mertuaku dan Antara Dua Darjat. Filem-filem ini mungkin merupakan suatu cetusan perasaan dirinya setelah pinangan nya untuk beristerikan seorang gadis berketurunan Arab ditolak. Masaalah kemiskinan dan pahit maung hidup seorang seniman telah juga diketengahkan oleh P. Ramlee sebagai suatu isu sosial.

Dunia filem Melayu era itu pusat nya adalah di Singapura. Dengan suasana latar dan penuh warna dan pergolakan yang diperjuangkan oleh ASAS 50 ini lah P. Ramlee berkarya dan menghasilkan karya-karya yang terbaik. P. Ramlee adalah pengarah Melayu yang pertama berhasil mengarahkan fiem yang sebelum itu dikuasai oleh pengarah dari India dan beliau adalah pengarah yang cukup popular dan dihormati pada waktu itu.

Kejayaan P. Ramlee telah membuka mata penerbit filem untuk memberi peluang kepada anak-anak tempatan lain menjadi pengarah fiem Melayu. Lepas itu muncul lah pengarah seperti Jamil Sulong, S. Roomai Noor, M. Amin, Husain Hanif, S. Kadarisman, Salleh Ghani, Ahmad Sentul, Noordin Ahmad dan ramai lagi.

P. RAMLEE DAN SINGAPURA

P. Ramlee telah mengarah 50 buah filem. Walau bagaimana pun, perlu diakui bahawa filem-filem P. Ramlee yang kuat dan cemerlang telah dihasilkan semasa beliau berkarya di Singapura. Kecemerlangan P. Ramlee di Singapura tidak sahaja kerana bakat alam semulajadi nya yang luar biasa tetapi juga dokongan teman-teman seni nya dan persekitaran di Singapura (dunia seni dan sastera serta intellectual) yang sangat membantu.

Idea dan kreativiti P. Ramlee memancar terang ketika kerjayanya di Singapura. Malang nya apabila beliau berpindah ke Studio Merdeka karya beliau telah merosot dan mendapat banyak kritikan. Dimanakah kesilapan nya.

P. RAMLEE DAN PULAU PINANG

Latar belakang ciri-ciri kehidupan dan suasana perkampungan Kampung Jawa yang terletak ke utara Sungai Pinang di Pulau Pinang. P. Ramlee dibesarkan di Tengah-tengah kota ini. Penduduk nya merangkumi pelbagai etnik dan lapisan (kelas) masyarakat majmuk – dengan kemelut sosial yang lumrah di dalam kota – dipertontonkan didalam filem-filem nya seperti Ibu Mertuaku, Anakku Sazali dan Penarek Becha.

MESEJ DAN PENGAJARAN

Darjat, Kaya dan Miskin

P. Ramlee sebagai seorang penyanyi, komposer, pelakon, pengarah dan pembikin filem dan ahli fikir, beliau telah meletakkan perjuangan beliau untuk mencorakkan masyarakat dan untuk merobah pandangan meleset masyarakat melalui filem-filem

yang diilhamkan beliau. Dalam sebuah filem arahan Tan Sri P. Ramlee yang pertama yang terbit dalam tahun 50an iaitu filem Penarik Beca. Filem ini bertema perbezaan antara masyarakat miskin dan masyarakat kaya. Lirik lagu Dengarlah Sang Ombak Berdesir dalam filem tersebut jelas menceritakan perbezaan antara masyarakat berada dan masyarakat miskin. Filem Antara Dua Darjat pula masih menelusuri ciri-ciri antara si-kaya dan si-miskin tetapi filem Antara Dua Darjat pula menceritakan antara kaya dan miskin dan golongan elit yang berdarah raja.

Filem-filem P. Ramlee yang bertemakan konflik antara kaya dan miskin adalah lanjutan daripada pengaruh filem-filem India. Babak-babak konflik antara yang kaya dan yang miskin, babak-babak sedih adalah yang digemari orang Melayu – naluri Melayu.

Filem-filem yang dikeluarkan oleh P. Ramlee bukan sahaja hebat kerana pemikiran dan falsafah yang dibawakan nya tetapi juga kerana kehebatan kualiti dan nilai estitika. P. Ramlee gemar melihat perbezaan kelas social atau jurang antara miskin dan kaya sebagai subjek yang cukup dominan dalam filem-filem nya.

P. RAMLEE DAN PENGARUH ASAS 50

Era kegemilangan P. Ramlee ialah pada dekad 50an dengan terlakarnya sejarah bermula di Jalan Ampas Singapura.

Dekad 50an P. Ramlee berkarya adalah juga dekad-dekad yang penuh dengan pergolakan dan kesedaran orang Melayu dari segi intelektual, sosio-ekonomi dan politik. Pada tahun-tahun 1950-an, seniman dan penulis Melayu telah berbahas

dengan mendalam idea-idea tentang seni, masyarakat dan peranan seniman dan penulis (Virginia Matheson Hooker, 2000: 181).

Hubungan antara sasterawan dan masyarakat diperdebatkan. Hasilnya para sasterawan telah menggerakkan slogan “Seni Untuk Masyarakat”, slogan yang dibawa oleh ASAS 50 sebagai menunjukkan komitmen mereka terhadap masyarakat dan menjadi semacam arah untuk mereka berkarya. Seperti kata Keris Mas, tema ini sebagai membentuk identiti, mempertahankan keadilan dan menentang tekanan. Fokus ASAS 50 adalah rakyat terutama rakyat marhaen.

Dekad 50-an adalah kemuncak kebangkitan kolektif masyarakat Melayu. Hubungan antara sasterawan dan Masyarakat dipehebatkan. Hasilnya para sasterwan telah menggerakkan slogan “seni untuk masyarakat”, slogan yang dibawa oleh ASAS 50 sebagai menunjukkan komitmen mereka terhadap masyarakat dan menjadi semacam arah untuk mereka berkarya. Seperti kata Kris Mas, Sasterawan Negara, tema ini sebagai membentuk identiti mempertahankan keadilan dan menentang tekanan. Fokus ASAS 50 adalah rakyat terutama rakyat marhaen. Pegangan dan pengaruh asas perjuangan penulis ini tidak bergerak dikalangan penulis sahaja, tetapi turut juga mempengaruhi dunia filem Melayu yang waktu itu pusatnya adalah di Singapura.

Tokoh-tokoh dalam ASAS 50 ialah seperti Usman Awang atau lebih dikenali dengan nama Tongkat Waran, A. Samad Ismail, Hamzah Hussain, Salleh Ghani, S. Sudarmaji, Jamil Sulong, Abdullah Hussain, Muhammad Arif Ahmad dan Rosmera, sekadar menyebut beberapa nama sahaja.

ASAS 50 itu sendiri terbentuk daripada keadaan pasca-perang yang menunjukkan bahawa kemiskinan, pergeseran kelas dan penggangguan menjadi cabaran utama dalam masyarakat. Hubungan P. Ramlee dengan ASAS 50 kerana P. Ramlee, HM Rohaizad dan Jamil Sulong telah berkenalan dengan Usman Awang dan penulis-penulis lain di Singapura. Hal ini diceritakan oleh Usman Awang kepada Zurinah Hassan, seperti yang terakam dalam buku *Sasterawan Negara Usman Awang (DBP, 2006:25)*

PENONTON DAN FAKTOR HUMANIS

Watak-watak dalam konsep *binary oppositions* ini lebih mudah di identifikasikan oleh penonton yang datang menonton tanpa fikiran yang kritis. Penonton melihat Nasib malang dan keadaan social dan watak-watak *underdogs* itu sebagai sebahagian dari identifikasi diri mereka. Watak malang P. Ramlee sebagai Ghazali dalam *Antara Dua Darjat*, Kasim Selamat dalam *Ibu Mertuaku* atau Ramli dalam *Bujang Lapok* turut dikongsi oleh sebahagian besar penontonnya. Ini adalah watak humanis yang boleh dikongsi oleh penonton sejagat. Apa pun genre dan subjek filem yang dihasilkan oleh P. Ramlee faktor realisme humanislah yang mendekatkan filem-filemnya dengan penonton.

PANDANGAN PERIBADI PARA PENGKAJI, PENYELIDIK DAN PENGKRITIK FILEM

Seorang pengagung dan peminat P. Ramlee iaitu Hidir Ali Razali telah menulis sebuah buku tentang kisah hidup P. Ramlee berjudul *P.Ramlee Tidak Ada Yang Kedua* berpendapat bahawa filem Antara Dua Darjat ini adalah filem yang seakan-

akan mengenai kisah hidup beliau sendiri yang pernah berjodoh dengan seorang mantan permaisuri seorang Sultan. Dari keadaan itu terbit lah sebuah lagu ciptaan beliau lagu berjudul Merak Kayangan dan terbit juga sebuah buku yang berjudul Gagak Dirimba. Penulis dan pembentang kertas kerja sedikit berbeza pendapat mengenai pandangan ini.

Pembentang dan penulis kertas kerja ini ingin melihat diantara sebab P. Ramlee memilih pembenturan antara miskin kaya dalam masyarakat adalah faktor jiwa dan selera orang Melayu yang gemar mengikuti cerita-cerita sedih dalam pergolakan antara golongan kaya dan golongan miskin. Satu lagi filem P. Ramlee yang mengisahkan antara golongan berada dan golongan miskin ialah filem arahan pertama P. Ramlee iaitu filem Penarek Beca

P. RAMLEE – ANTARA DUNIA AKADEMIK DAN FAKTOR ALAM

Dalam seminar P. Ramlee Ikon Perpaduan Kebangsaan, Antarabangsa dan Warisan Negara, Profesor Emeritus Tan Sri Dr. Khoo Kay Kim menyatakan bahawa kajian mengenai pemikiran dan sumbangan P. Ramlee dari aspek sejarah dan perkembangan masyarakat haruslah diperbanyakkan. Bagi Khoo Kay Kim, seorang pemikir itu tidak semestinya mempunyai kelulusan akademik yang tinggi kerana mereka yang mendapat pencapaian akademik cemerlang selalunya melihat idea orang lain. Sebaliknya, pada pandangan beliau, P. Ramee adalah pengamat dan pemerhati social yang sensitive dengan apa yang berlaku dalam Masyarakat. Tidak dinafikan bahawa banyak kertas kerja, buku, symposium dan seminar yang mengkaji ketokohan, bakat dan nilai-nilai seni yang ditonjolkan oleh Allah Yarham P. Ramee, namun usaha-usaha untuk menyibarluaskan kesemua ini perlu dipergiat

lagi. Perkara ini sesuai dengan status P. Ramlee yang signifikan Dalam masyarakat tempatan.

P. RAMLEE – SUMBANGAN DALAM BIDANG BAHASA

P. Ramlee bukan lah sarjana bahasa atau tokoh bahasa, mungkin bahasa Melayu dipelajari secara tidak formal. Namun penglibatan beliau dalam Angkatan 50 dimana antara nya ada Sasterawan Negara, Usman Awang, sedikit menyumbang kepada pengetahuan beliau tentang bahasa. Namun sumbangan beliau dalam bidang bahasa amat berkesan dan boleh lah di kategorikan sebagai perakam sejarah seni dan budaya Melayu melalui musik dan filem nya.

Antara kosa kata yang diilhamkan oleh beliau kini tercetak dalam Kamus Dewan dan telah diterima oleh masyarakat keseluruhan nya, seperti perkataan “mambang” dalam pengertian yang lain (gadis yang ingin dipikat), “pawagam” (akronim panggung wayang gambar), “sakit angau” (seorang yang sakit asmara), “cubaan” (dalam pengertian lain) begitu juga cara atau gaya menyampaikan sesuatu ungkapan seperti “Eh! Berapa punya lama dah”, “Alah Kasim”, “hentam saja Allah” dan banyak lagi. Ini semua lebih diserapkan beliau dalam kehidupan masyarakat seharian sehingga ke hari ini.

PENUTUP

Dengan sifat dan sikapnya untuk meninjau Melayu Dalam filem Semerah Padi, Antara Dua Darjat dan Ibu Mertuaku, dapat ditemui dalam karyanya itu kedudukan seseorang pekerja filem yang riang, serius dan berfikir, dan memendam keinginan

besar untuk mengangkat Meayu kesatu kercu yang gagah dan yakin. Waau pun Pendidikan dan persekolahan P. Ramlee tidak setinggi mana tetapi kerana jiwa nya amat tertumpu kepada karya seni yang dikerjakannya, maka tertunjuk dan trehala lah cita-citanya untuk menimba daripada kehidupan yang sukar dan tidak menentu dalam zamannya itu menjadi tersusun dan indah dilayar perak.

Rujukan:

P. Ramlee Erti Yang Sakti – Ahmad Sarji

Sepanjang Riwayatku P. Ramlee

Kisah Hidup Seniman Agung P. Ramlee – Abdullah Hussain

P. Ramlee – Tiada Yang Kedua – Hidir Ali Razali

P. RAMLEE Seniman Agung Dunia Melayu – Arkib Negra

P. RAMLEE Teguk Ilmu Dengan Sheikh Abdullah Fahim – Muhammad Abdullah Suradi

Membedah P. Ramlee – Daniyal Kadir

SUARA Nusa Dalamn Filem-Filem Seniman Agung – Raihan Mohd Said

Edisi Khas Sempena 50 Tahun Pemergian Seniman Agung Tanah Melayu 29 Mei 2023 – Alam P. Ramlee - Fathani Darussalam

Podcast Sembang-Sambung